
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

KIT 352 – Pengurusan Industri

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandung TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab sebarang EMPAT soalan sahaja.

Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. (a) Apakah maksud sebutan BOM? Dimanakah ia diperlukan?
(5 markah)

- (b) Terangkan secara ringkas apakah yang kamu faham tentang MRP?
Huraikan kepentingannya.
(5 markah)

- (c) Nyatakan tiga keadaan bahan-bahan yang boleh disenaraikan dalam kategori inventori. Apakah kepentingannya kepada sesuatu organisasi itu?
(5 markah)

- (d) Mengapakah kadang-kadang sesuatu bahan itu lebih baik dibeli sahaja, manakala yang lainnya dibuat sendiri? Berikan lima sebab bagi setiap keputusan itu.
(10 markah)

-2-

2. (a) Apakah kebaikan yang bakal diraih oleh sebuah syarikat apabila ia sudah menerima pengiktirafan ISO?
(10 markah)
- (b) Selain daripada ISO, senaraikan beberapa lagi sistem piawai yang pernah atau masih lagi digunakan oleh sesetengah syarikat antarabangsa.
(5 markah)
- (c) Mengapakah setiap proses semasa pengeluaran sesuatu barang perlu dikawal? Nyatakan juga dua matlamat sebenar bagi kawalan pemprosesan itu.
(5 markah)
- (d) Bagaimanakah cara kita hendak menangani sesuatu permasalahan atau kebuntuan yang dihadapi di tempat pengeluaran? Senaraikan tiga kaedah yang biasa digunakan oleh pihak pengurusan.
(5 markah)
3. Untuk terus wujud dalam persekitaran dunia perniagaan yang dinamik hari ini, para pengurus mestilah bukan sahaja tahu apa yang berlaku di dalam organisasi tetapi juga di luar organisasi. Bincangkan.
(25 markah)
4. Idea McGregor tentang tingkah laku pengurus mempunyai kesan yang besar dalam pemikiran dan amalan pengurusan. Apakah pandangan anda tentang teori X dan teori Y?
(25 markah)
5. Untuk mengawasi urusniaga hendaklah ada sistem kawalannya. Kenapa? Apakah langkah-langkah yang perlu bagi sebuah model kawalan pembetulan?
(25 markah)

..../3-

-3-

- 6 Anda sedang memberi taklimat kepada sekumpulan mahasiswa-siswi baru semasa program orientasi. Anda perlu menerangkan kepada mereka mengapa mereka perlu mempelajari Pengurusan.

(25 markah)

-oooOooo-